

Keberkesanan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) Terhadap Kemahiran Pedagogi Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah

(The Effectiveness of the Focused and Differentiated Intervention Training Module (MoLIB) on the Pedagogical Skills of Primary School Malay Language Teacher)

Sherone J. Oyunini^{1*}, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

*Pengarang Koresponden: sheronejoe@gmail.com

Accepted: 15 February 2023 | Published: 1 March 2023

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2023.5.1.6>

Abstrak: Kajian ini dilaksanakan bertujuan meneroka keberkesanan Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dalam membantu pengajaran guru Bahasa Melayu meningkatkan kemahiran berbahasa murid khususnya murid Tahap 1 di sekolah rendah. Reka bentuk kajian kualitatif secara tinjauan telah dilaksanakan dalam kajian ini. Dua buah sekolah rendah telah dipilih sebagai tempat kajian. Dua orang guru dipilih secara persampelan bertujuan bagi memenuhi skop kajian. Protokol temu bual secara berstruktur telah digunakan sebagai instrumen dalam kajian ini. Data dianalisis secara kualitatif iaitu melalui proses transkripsi, reduksi dan paparan data. Dapatan kajian menunjukkan MoLIB membantu kemahiran pedagogi pengajaran guru Bahasa Melayu meningkatkan kemahiran berbahasa murid. Beberapa cadangan kajian telah digariskan bagi meningkatkan kualiti MoLIB di samping usaha menyebarkan penggunaan MoLIB khususnya dalam pengajaran Bahasa Melayu terhadap guru-guru sekolah rendah.

Kata kunci: MoLIB, kemahiran pengajaran, kemahiran berbahasa

Abstract: This study was conducted to explore the effectiveness of the Focused and Differentiated Intervention Training Module (MoLIB) in helping Malay Language teachers to improve students' language skills, especially Level 1 students in primary schools. A qualitative survey design was implemented in this study. Two primary schools were selected as the study site. Two teachers were selected by sampling in order to fulfill the scope of the study. A structured interview protocol was used as an instrument in this study. Data is analyzed qualitatively through the process of transcription, reduction and data display. The findings of the study show that MoLIB helps the teaching pedagogic skills of Bahasa Melayu teachers to improve students' language skills. Several research recommendations have been outlined to improve the quality of MoLIB in addition to efforts to spread the use of MoLIB, especially in the teaching of Malay to primary school teachers.

Keywords: MoLIB, teaching skills, language skills

1. Pengenalan

Pendidikan masa kini menuntut guru-guru melengkapi diri dengan ilmu kemahiran pedagogi bagi menangani gaya pembelajaran pada era ini. Bermula tahun 2019, guru-guru Tahap 1 dituntut untuk menjalankan pentaksiran terhadap murid-murid berbantuan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Pada masa yang sama, Garis Panduan Pelaksanaan PBD juga akan dibekalkan sebagai panduan para guru. Dalam hal ini, peranan guru dalam PBD melibatkan perancang, pelaksana, pentaksir, penilai, pelapor dan melaksanakan tindakan susulan berpandukan garis panduan yang dibekalkan (Annaliza Mohd Isa et.al, 2020). Walaupun PBD telah dilaksanakan dan umum mengetahui bahawa masih terdapat ramai murid hanya mendapat tahap penguasaan III sahaja dalam Bahasa Melayu, namun guru-guru masih tidak dapat mengendalikan masalah ini melalui perancangan pengajaran yang lebih bermatlamat untuk membantu meningkatkan tahap penguasaan mereka. Perkara ini berketepatan dengan kajian lepas daripada Zamri (2021) apabila mengulas tentang pengetahuan dan kesediaan guru yang masih lagi terbatas dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran. Tambahan lagi apabila melibatkan pengendalian pengajaran terhadap murid yang berbeza tahap penguasaan. Ini bermaksud, ramai dalam kalangan guru sukar merancang pengajaran untuk membantu kepelbagaian tahap penguasaan murid-murid secara serentak dalam satu masa pengajaran Bahasa Melayu.

Amalan pedagogi Abad ke-21 yang dipraktikkan oleh guru-guru tidak memfokuskan pengajaran terhadap murid-murid dari pelbagai tahap penguasaan, namun lebih kepada meningkatkan tahap penguasaan berbahasa murid secara umum. Namun, ianya tidak memadai memandangkan bukan semua murid dapat menyerap pembelajaran dengan mudah memandangkan murid-murid ini terdiri daripada pelbagai aras kognitif. Ini menyebabkan guru-guru sukar merancang pengajaran terhadap murid dari pelbagai tahap penguasaan ini tambahan lagi jumlah murid dalam kelas tersebut adalah ramai. Berdasarkan hasil kajian yang dilaksanakan oleh KPM (2019) menyenaraikan punca-punca pencapaian akademik beberapa buah sekolah menurun. Antaranya, (i) jumlah murid yang ramai dalam satu kelas, (ii) isu guru bukan opsyen yang menyampaikan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran teras terhadap murid orang asli dan peribumi, dan (iii) kekangan kemahiran dalam merancang pedagogi terbeza iaitu pengajaran yang bersesuaian dengan kepelbagaian aras kognitif murid. Dikatakan bahawa punca-punca ini menyebabkan penguasaan murid lemah sehinggalah menginjak ke tahap dua. Justeru, satu susulan tindakan terhadap pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan kepelbagaian aras kognitif murid haruslah dirancang dan dilaksanakan bagi mengelakkan murid yang lemah tidak terus tertinggal jauh daripada murid yang lebih menguasai kemahiran berbahasa Melayu.

Menurut Kusom Yamirudeng & Zulkifli Osman (2018), modul didapati memberikan kebaikan terhadap murid dan tenaga pengajar apabila penggunaan bahan ini didapati mampu mengurangkan beban guru dan memudahkan penerimaan murid terhadap pembelajaran bahasa. Pada masa yang sama, penggunaan modul menyokong pembelajaran yang berlandaskan kepelbagaian aras kognitif murid dan sesuai digunakan tanpa keterbatasan waktu. Hasil kajian Thibbah A/P Gatanagayan & Fadzilah Amzah (2021) membuktikan bahawa pengekaln pencapaian kosa kata murid meningkat melalui Modul Kadimel yang menekankan pembelajaran bahasa. Justeru, penggunaan kaedah modul dilihat mampu meningkatkan ingatan murid terhadap ilmu yang diperoleh dalam jangka masa yang panjang.

Hasil kajian yang dilaksanakan oleh Ling, S. K. (2018) terhadap keberkesanan Modul Bacaan Bergred membuktikan bahawa penggunaan modul tersebut dapat meningkatkan penguasaan

murid untuk membaca. Dapatan kajian menunjukkan mempunyai perbezaan yang signifikan setelah modul linus bahasa Cina Tahun 1 digunakan. Ujian T yang dijalankan menunjukkan nilai t ialah 33.54 dan $p < 0.01$. Ini membuktikan bahawa perbezaan min antara ujian pre dan post menunjukkan terdapat peningkatan murid dalam kemahiran berbahasa khususnya membaca seperti yang disasarkan dalam kajian. Manakala, Valerie Sinti (2018) dalam kajian terhadap Modul Bacaan FINCO telah membuktikan bahawa penggunaan modul tersebut berjaya meningkatkan penguasaan murid dalam kemahiran membaca. Salah satu faktor kejayaan tersebut adalah hasil pengulangan bacaan murid menggunakan lima strategi berpandukan modul bacaan FINCO terhadap murid ESL.

Kemahiran memahami, menganalisis dan menggunakan maklumat secara dasar semata-mata terhadap pengajaran lazim dipraktikkan oleh guru-guru masa kini disebabkan keterbatasan pengetahuan dan kesediaan dalam penyampaian PdP (Zamri, 2018). Hal ini semakin rumit apabila para guru menggunakan amalan sedia ada untuk berhadapan dengan kepelbagaian aras kognitif murid yang berbeza. Oleh itu, adalah penting guru-guru masa kini mengorak langkah seiring dengan perubahan teknologi dengan meningkatkan keupayaan diri menguasai aspek kurikulum, berketerampilan dan meningkatkan pengetahuan pedagogi dengan menguasai aspek psikologi pembelajaran yang baik (Nurzarina dan Roslinda, 2017).

Bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan terhadap kepelbagaian aras kognitif murid, maka Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) dibangunkan sebagai panduan serta rujukan kepada guru khususnya (KPM, 2019). Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat keberkesanan Modul MoLIB dalam meningkatkan kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu bagi membantu meningkatkan tahap penguasaan murid yang terdiri daripada pelbagai aras kognitif.

2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk:

- a. Meneroka pengetahuan guru terhadap elemen yang terdapat dalam Modul Latihan Intervensi Berfokus & Terbeza (MoLIB).
- b. Meneroka pengetahuan guru antara perkaitan kandungan elemen MoLIB dengan kemahiran pedagogi semasa pengajaran Bahasa Melayu.
- c. Meneroka keberkesanan MoLIB dalam membantu pengajaran guru Bahasa Melayu meningkatkan kemahiran berbahasa murid.

3. Persoalan Kajian

Secara khususnya terdapat dua persoalan yang perlu dijawab oleh pengkaji iaitu;

- a. Apakah elemen yang terdapat dalam Modul Latihan Intervensi Berfokus & Terbeza (MoLIB)?
- b. Apakah perkaitan kandungan elemen MoLIB dengan kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu?
- c. Bagaimanakah MoLIB dapat membantu pengajaran guru Bahasa Melayu meningkatkan kemahiran berbahasa murid?

4. Metodologi

4.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan secara kualitatif adalah sesuai berdasarkan kerangka konseptual kajian yang bertujuan untuk menilai keberkesanan Modul Latihan Intervensi dan Terbeza (MoLIB) terhadap pengajaran para pendidik amnya yang melaksanakan PBD Bahasa Melayu Tahap 1 dan mempunyai kepelbagaian aras kognitif murid. Untuk menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih dua buah sekolah rendah untuk meninjau keberkesanan penggunaan MoLIB sebagaimana yang dinyatakan di dalam tajuk kajian. Sekolah rendah yang dipilih menepati kehendak dan ciri-ciri penting sebuah kajian tinjauan secara kualitatif. Kaedah temu bual terhadap dua orang responden telah dilakukan bagi memenuhi skop kajian. Temu bual dilaksanakan dengan memilih guru-guru Bahasa Melayu yang mengajar di Tahun dua dan Tahun 1 bagi setiap sekolah.

4.2 Peserta Kajian

Pengkaji telah menggunakan pensampelan bertujuan terhadap peserta yang sememangnya terlibat secara langsung terhadap pengajaran dan pembelajaran berasaskan MoLIB. Seramai dua orang guru Bahasa Melayu yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan MoLIB dijadikan sebagai peserta kajian. Tambahan lagi, dua orang guru tersebut merupakan guru dari dua buah sekolah yang tersenarai sebagai perintis pelaksanaan MoLIB di daerah Kota Kinabalu, Sabah.

4.3 Instrumen Kajian

Protokol temu bual dilaksanakan sebagai instrumen kajian. Temu bual berstruktur dijalankan ke atas dua orang guru Bahasa Melayu. Pengkaji terlebih dahulu menentukan jumlah soalan-soalan temu bual yang akan diutarakan tanpa membuat pengurangan atau penambahan merupakan bentuk temu bual bersruktur (Ghazali Darussalam et. al, 2021). Tambahan lagi, biasanya '*Qualitative interview*' dibuat secara berstruktur dengan topik yang berkaitan dengan persoalan kajian. Teknik ini dikatakan mengandungi unsur-unsur *validity* dan *reliability* (Coleman, 1958). Protokol temu bual terdiri daripada dua bahagian iaitu; bahagian a (maklumat peserta kajian), bahagian b (tiga soalan berkenaan keberkesanan modul). Bagi memastikan item soalan temu bual mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, dua orang pakar telah dirujuk untuk menyemak item-item yang digunakan di dalam protokol soalan temu bual. Data temu bual dianalisis dengan melalui proses transkripsi dan paparan data.

4.4 Kaedah Penganalisisan Data

Data temu bual dianalisis dalam bentuk tematik. Analisis data bermula dengan pengekodan segmen teks, penetapan label kod dan kemudiannya dikodkan kepada bentuk tema berkaitan dengan skop kajian.

5. Dapatan Kajian

Dapatan dalam kajian ini adalah berdasarkan soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan dengan mengaplikasikan protokol temu bual; temu bual berstruktur.

Latar Belakang Responden Kajian

Merujuk kepada Jadual 5.1, responden kajian terdiri daripada dua orang guru. Kedua-dua responden bertugas di daerah Kota Kinabalu, Sabah. Dari aspek jantina dan umur, kedua-dua responden terdiri daripada guru perempuan iaitu masing-masing berusia 58 tahun dan 30 tahun. Responden 1 dan responden 2 berada dalam Gred DG41 dan masing-masing mempunyai

pengalaman mengajar 33 tahun (Responden 1) dan 6 tahun (Responden 2). Dari segi tahap pendidikan, kedua-dua guru mempunyai ijazah sarjana muda dalam Bahasa Melayu.

Jadual 5.1: Profil responden berdasarkan jantina, umur, pengalaman dan kelulusan

Profil responden kajian	Responden 1	Responden 2
Jantina	Perempuan	Perempuan
Umur	58 Tahun	30 Tahun
Gred Jawatan	DG41	DG41
Tahap Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda Perguruan	Ijazah Sarjana Muda Perguruan
Pengalaman mengajar Bahasa Melayu	33 Tahun	6 Tahun

Soalan Kajian 1 : Apakah elemen yang terdapat dalam Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB)

Data telah dianalisis menggunakan bentuk tematik berdasarkan tema dan subtema. Bagi menjawab soalan kajian yang pertama, pengkaji telah menyenaraikan enam bentuk soalan secara berstruktur bagi mendapatkan pengetahuan guru berkenaan elemen yang terdapat dalam MoLIB. Jadual 5.2 menunjukkan data yang diperolehi.

Jadual 5.2: Tahap pengetahuan guru berkaitan elemen yang terkandung dalam MoLIB

Konstruk	Tema	Subtema	R1	R2	Jumlah
Pengetahuan	Elemen MoLIB	i. PdP berfokus (objektif)	/	/	2
		ii. PdP terbeza (aktiviti)	/	/	2
		iii. DSKP (PdP berfokus)	/	/	2
		iv. DSKP (PdP terbeza)	/	/	2
		iv. SKPMg2 Standard	/	/	2
		v. PAK21: 4K1N	/	/	2

Soalan pertama yang diutarakan berkenaan dengan pendapat guru berkenaan MoLIB yang menekankan PdP berfokus menunjukkan bahawa kedua-dua responden bersetuju tentang perkara tersebut. Berikut merupakan jawapan responden,

"...Menurut pandangan saya, MoLIB iaitu salah satu modul yang dibekalkan oleh KPM sangat berkait rapat dengan kandungan DSKP. Standard pembelajaran dijadikan sebagai panduan modul ini dalam pembinaan objektif agar PdP berfokus dapat disampaikan kepada semua peringkat aras kognitif murid-murid.

(Res.1)

"...Ya. Murid akan terlibat dengan aktiviti mengikut aras untuk mencapai objektif PdP..."

(Res. 2)

Seterusnya, pernyataan tentang MoLIB yang dikatakan mengutamakan PdP terbeza iaitu berdasarkan aras kognitif murid yang berbeza, masing-masing responden memahami penggunaan modul ini apabila jawapan yang diberikan menepati kehendak kajian pengkaji. Berikut merupakan jawapan responden;

"...Saya setuju. Modul ini memang menekankan aktiviti pembelajaran yang berperingkat sesuai dengan aras kognitif murid. Ini memberikan murid yang pelbagai aras kognitif menguji dan mencuba untuk mempelajari kandungan mengikut tahap penguasaan mereka tanpa dipengaruhi tekanan untuk bersaing dengan murid yang mempunyai tahap kognitif lebih

tinggi dari mereka. Sementara, murid yang mempunyai tahap penguasaan tinggi pula dapat terus belajar dan menguji minda dengan aktiviti guru tanpa perlu menunggu murid yang masih berada dalam tahap lemah...”

(Res.1)

“...Ya. Aktiviti yang berbeza mengikut aras membantu murid lebih yakin untuk melaksanakan aktiviti yang diberikan...”

(Res. 2)

MoLib menekankan penggunaan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dalam membina objektif. Pengkaji mendapati bahawa kedua-dua responden maklum akan hal ini apabila jawapan yang diberikan melalui temu bual menunjukkan tahap pengetahuan responden begitu memuaskan. Berikut merupakan hasil temu bual;

“...MoLib sememangnya menekankan guru-guru untuk membina objektif berdasarkan kepada DSKP. Oleh itu, objektif pengajaran guru akan lebih bermatlamat seperti yang dikehendaki dalam standard kurikulum. Pada masa yang sama, objektif yang dibina juga ditekankan untuk dikuasai oleh murid-murid tanpa mengira perbezaan aras kognitif...”

(Res. 1)

“...Objektif PdP sama bagi setiap murid tetapi guru perlu mempelbagaikan aktiviti mengikut aras murid...”

(Res. 2)

Menyentuh tentang pendapat responden berkenaan penggunaan DSKP bagi merancang PdP terbeza, ternyata responden memahami cara penggunaan MoLIB berkenaan persoalan tersebut. Berikut merupakan jawapan responden;

“...Mengajar berpandukan MoLIB amat memudahkan apabila modul ini menekankan guru membina aktiviti pengajaran secara terbeza iaitu mengikut aras kognitif murid. Tetapi, pada masa yang sama juga pembinaan aktiviti pengajaran adalah bergantung kepada DSKP itu sendiri. Ini bagi memastikan pengajaran guru adalah bermatlamat seperti yang disasarkan dalam objektif...”

(Res. 1)

“...Guru akan lebih kreatif untuk memastikan aktiviti yang dipelbagaikan supaya semua murid dapat mencapai objektif PdP...”

(Res. 2)

Persoalan tentang pendapat responden berkaitan hubungan MoLIB dengan SKPMg2 Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC), berikut merupakan jawapan responden;

“...Saya bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini kerana setiap aktiviti yang saya rancang, yang terdiri daripada aktiviti-aktiviti secara berperingkat khususnya untuk kepelbagaian aras kognitif murid saya, saya melaksanakannya berdasarkan SKPMg2 Standard 4...”

(Res. 1)

“..Ya..”

(Res. 2)

Seterusnya, menyentuh tentang peranan MoLIB dalam membantu penyampaian PdP berdasarkan PAK21 antaranya 4k1N, kedua-dua responden memberi jawapan sedemikian;

“...Perancangan aktiviti pengajaran berdasarkan MoLIB memang membimbing kita sebagai guru untuk menerapkan PAK21 iaitu komunikasi, kolaboratif, kreatif dan kritis, serta nilai. Hal ini kerana setiap langkah pengajaran secara tidak langsung sememangnya terdiri daripada unsur-unsur ini. Tambahan lagi, kita mengajar berdasarkan DSKP...”

(Res. 1)

“...MoLIB berhubungkait dengan DSKP. Pembinaan RPH itu sendiri menekankan PAK21. Oleh itu, guru-guru haruslah kreatif merancang aktiviti pengajaran yang berunsurkan PAK21...”

(Res. 2)

Berdasarkan hasil temubual responden berkenaan enam soalan yang merujuk kepada tahap pengetahuan guru terhadap elemen yang terdapat dalam Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB) menunjukkan bahawa pengetahuan guru berada dalam tahap memuaskan. Responden maklum akan penggunaan MoLIB apabila elemen-elemen yang terdapat dalam modul ini seperti pengajaran berasaskan DSKP, pembinaan objektif sebagai pengajaran berfokus, pembinaan aktiviti yang berbeza sebagai pengajaran terbeza, penyampaian PdP menurut SKPMg2 Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan, serta penerapan PAK21 dalam pengajaran difahami dengan baik.

Soalan Kajian 2: Apakah perkaitan kandungan elemen MoLIB dengan kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu

Jadual 5.3 merupakan analisis tematik yang dilakukan terhadap lima soalan berstruktur berkenaan topik soalan kajian.

Jadual 5.3: Perkaitan kandungan elemen MoLIB dengan kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu

Konstruk	Tema	Subtema	R1	R2	Jumlah
	Kandungan	i. Objektif PdP (berfokus)	/	/	2
		ii. Aktiviti PdP (terbeza)	/	/	2
		iii. RPH (menurut cadangan MoLIB)	/	/	2
Pelaksanaan	Proses	i. SKPMg2 Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC)	/	/	2
		Pentaksiran	i. Hasil kerja murid (aras asas, sederhana, tinggi)	/	/

Dapatan temu bual pada bahagian ini menunjukkan terdapat penerapan kandungan elemen MoLIB dengan kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu. Persoalan pertama yang diajukan

berkaitan cara pelaksanaan PdP berfokus dan terbeza yang dijalankan berpandukan DSKP dan MoLIB. Berikut merupakan pandangan yang diberikan;

“...Saya pastikan objektif yang dibina adalah sama bagi semua murid yang terdiri daripada pelbagai aras kognitif. Pada masa yang sama, aktiviti pengajaran adalah berbeza mengikut aras kognitif murid iaitu asas, sederhana dan tinggi. Semasa membina RPH ini, saya pastikan saya berpandukan DSKP dan MoLIB.”

(Res. 1)

“...Saya membuat aktiviti mengikut aras murid untuk mencapai objektif pembelajaran...”

(Res. 2)

Berdasarkan kedua-dua jawapan ini, ternyata responden mempraktikkan modul MoLIB dengan betul memandangkan responden peka akan pengajaran yang berfokus dan terbeza iaitu melalui pembinaan objektif yang sama bagi semua murid dan aktiviti berbeza mengikut aras kognitif murid. Kepelbagaian aktiviti pengajaran mengikut kemampuan murid adalah bagi membantu murid mencapai objektif pembelajaran sama seperti yang diterangkan oleh Responden 2. Seterusnya, responden juga berjaya merancang rancangan pengajaran harian (RPH) berdasarkan cadangan MoLIB. Berikut merupakan hasil temu bual;

“...Ya. Contohnya, tajuk pada hari tersebut berkaitan dengan tema kekeluargaan. Standard kandungan yang ingin ditekankan adalah kemahiran menulis. Pertamanya saya akan pastikan standard pembelajaran yang ingin dicapai berkenaan dengan kemahiran menulis. Ini akan menjadi objektif pembelajaran murid saya walaupun pelbagai aras kognitif mereka. Kemudian, aktiviti pembelajaran murid akan saya pelbagaikan seperti dalam panduan MoLIB. Oleh itu, murid akan belajar dengan lebih berkesan...”

(Res. 1)

“...Ya. Saya mempelbagaikan aktiviti mengikut aras murid...”

(Res. 2)

Apabila diajukan persoalan tentang cara responden menyampaikan PdP Bahasa Melayu berasaskan kepada SKPMg2 Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC), berikut merupakan jawapan yang diberikan;

“...Setiap aspek yang terlibat dalam SKPMg2 Standard 4 iaitu guru sebagai perancang, guru sebagai pengawal, guru sebagai pembimbing, guru sebagai pendorong, guru sebagai penilai dan murid sebagai pembelajar aktif memang saya praktikkan semasa menyampaikan ilmu. Pada masa yang sama, saya pastikan juga murid-murid saya sentiasa aktif dalam kelas, contohnya melalui soal jawab yang saya lakukan...”

(Res. 1)

“...Saya membimbing dan memberi peluang kepada murid untuk menunjukkan kefahaman mereka kepada rakan-rakan lain...”

(Res. 2)

Persoalan seterusnya berkenaan dengan pendapat sekiranya penyampaian PdP Bahasa Melayu yang dijalankan berkesan mahupun tidak sekiranya berbantuan MoLIB. Kedua-dua responden mengakui bahawa penggunaan MoLIB sememangnya berkesan. Berikut merupakan jawapan yang diberikan;

“...PdP berfokus dan Terbeza amat sesuai dilaksanakan berpandukan MoLIB. Ini akan membantu PdP yang ingin kita sampaikan berkesan kepada murid...”

(Res. 1)

“...Ya. Murid dapat mengikuti aktiviti mengikut aras mereka...”

(Res. 2)

Hasil temu bual berdasarkan kelima-lima soalan yang diajukan menunjukkan responden berpengetahuan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan elemen yang diketengahkan dalam MoLIB iaitu melibatkan objektif pengajaran yang terdapat seperti dalam DSKP, pengajaran terbeza berdasarkan aktiviti pengajaran yang berbeza mengikut aras kognitif murid, dan SKPMg2 Standard 4: Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC).

Soalan Kajian 3: Bagaimanakah MoLIB dapat membantu pengajaran guru Bahasa Melayu meningkatkan kemahiran berbahasa murid?

Jadual 5.4 menunjukkan impak pengajaran dan pembelajaran berpandukan MoLIB dalam meningkatkan kemahiran berbahasa murid. Pada masa yang sama, beberapa aspek juga diatasi dengan menggunakan modul tersebut, antaranya amalan PLC dalam kalangan guru dan membantu guru bukan opsyen Bahasa Melayu menyampaikan ilmu.

Jadual 5.4: Tahap keberkesanan MoLIB dalam membantu pengajaran guru Bahasa Melayu meningkatkan kemahiran berbahasa murid

Konstruk	Tema	Subtema	R1	R2	Jumlah
Pelaksanaan	Hasil	i. dapat merancang PdP berfokus	/	/	2
		ii. dapat merancang PdP terbeza	/	/	2
		iii. mengatasi kelemahan berbahasa murid	/	/	2
		iv. murid seronok belajar	/	/	2
		iv. Amalan PLC	/	/	2
		v. membantu guru bukan opsyen Bahasa Melayu	/	/	2

Hasil dapatan pada bahagian C dalam temu bual menunjukkan bahawa responden bersetuju bahawa MoLIB berkesan membantu pengajaran guru Bahasa Melayu meningkatkan kemahiran berbahasa murid. Berikut merupakan jawapan responden apabila diajukan persoalan sekiranya MoLIB membantu guru-guru dalam merancang aktiviti PdP secara berfokus dan terbeza’

“...Dengan berpandukan MoLIB, saya dapat merancang aktiviti pengajaran yang pelbagai mengikut aras pengetahuan murid. Panduan pengajaran berserta contoh-contoh yang dibekalkan dalam modul ini sangat mudah dan membantu saya membina aktiviti pengajaran yang mudah untuk murid pada masa yang sama mampu meningkatkan kemahiran berbahasa mereka...”

(Res. 1)

“...Saya dapat mempelbagaikan aktiviti mengikut aras murid...”

(Res. 2)

Seterusnya, kedua-dua responden turut bersetuju bahawa dengan berbantuan MoLIB, kelemahan murid dalam kemahiran berbahasa dapat diatasi.

“...Ya, Saya setuju. Ini kerana aktiviti pembelajaran yang berbeza iaitu mengikut aras kognitif murid yang turut berbeza memberikan peluang kepada murid untuk belajar dengan berkesan. Murid tidak perlu mempelajari aktiviti yang sukar dari aras kognitif mereka. Murid perlu mengulang ataupun menguasai aktiviti pembelajaran sebelum beralih kepada aktiviti yang seterusnya. Oleh itu, kelemahan murid-murid dapat diatasi...”

(Res. 1)

“...Ya. Murid dapat mengikuti pengajaran berdasarkan aras murid...”

(Res. 2)

Responden turut bersetuju bahawa murid yang terdiri daripada pelbagai aras tahap penguasaan seronok mempelajari Bahasa Melayu berdasarkan aktiviti yang dirancang berasaskan MoLIB. Berikut merupakan jawapan responden;

“...Saya setuju kerana kebanyakan murid saya bertindak aktif di dalam kelas. Mereka kerap ajukan soalan sekiranya tidak faham. Malah mereka turut bersemangat untuk melengkapkan lembaran kerja mereka dan mencuba untuk menjawab lembaran kerja peringkat aras yang seterusnya...”

(Res. 1)

“...Ya. Hal ini kerana murid dapat mencapai objektif mengikut aktiviti yang pelbagai...”

(Res. 2)

Dapatan temu bual juga menunjukkan bahawa amalan PLC yang berlaku dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu semasa melaksanakan PdP Bahasa Melayu berbantuan MoLIB berlaku. Hal ini diakui oleh kedua-dua responden. Berikut merupakan respon yang diberikan;

“...Biasanya, saya kerap berbincang dengan rakan guru yang sama mengajar tahun dengan saya iaitu tahun 2. Apabila saya mempraktikkan amalan ini, bukan sahaja memudahkan saya untuk membina aktiviti pengajaran yang sesuai malahan saya juga dapat menyediakan lembaran kerja berdasarkan objektif pengajaran, aktiviti pengajaran dan kepelbagaian aras kognitif murid...”

(Res. 1)

“...PLC dapat membantu guru-guru berkongsi idea untuk mewujudkan teknik-teknik pengajaran yang lebih berkesan...”

(Res.2)

Kedua-dua responden turut bersetuju bahawa guru bukan opsyen yang mengajar Bahasa Melayu mampu menyampaikan PdP berfokus dan terbeza dengan berkesan dengan berpandukan MoLIB. Berikut merupakan jawapan yang diberikan;

“...Saya bersetuju. Ini kerana modul MoLIB ini sangat jelas penggunaannya dan sangat membantu guru-guru untuk melaksanakan PdP secara berfokus dan terbeza...”

(Res. 1)

“...Ya...”

(Res. 2)

6. Perbincangan

Ruangan ini akan memfokuskan kepada (i) pengetahuan guru terhadap elemen dalam MoLIB, (ii) pengetahuan guru terhadap pelaksanaan, dan (iii) Keberkesanan MoLIB meningkatkan kemahiran berbahasa murid

6.1 Pengetahuan guru terhadap elemen yang terdapat dalam Modul Latihan Intervensi Berfokus dan Terbeza (MoLIB)

Berdasarkan dapatan temu bual, didapati bahawa guru-guru peka dan maklum terhadap elemen yang terdapat dalam modul MoLIB. Seperti yang tertulis di dalam modul MoLIB, modul ini dibina berdasarkan standard kandungan dan standard pembelajaran dalam DSKP Bahasa Melayu serta mengandungi aktiviti dan bahan yang berbeza berdasarkan pelbagai tahap penguasaan murid (KPM, 2020). Justeru, elemen seperti penggunaan DSKP, penekanan terhadap PdP berfokus dan PdP terbeza merupakan fokus utama yang terkandung dalam modul ini.

Pengetahuan guru terhadap penggunaan modul MoLIB ini berketetapan dengan kajian Zurina Mustaffa et.al (2021) yang menekankan kepentingan pengetahuan guru terhadap penggunaan model Pedagogi Terbeza. Guru-guru perlu menguasai elemen yang terdapat dalam model tersebut agar penyampaian PdP dapat dilaksanakan dengan berkesan. Seperti juga Modul Membaca Awal Prasekolah, walaupun berbeza sasaran iaitu modul ini mensasarkan kanak-kanak prasekolah sementara MoLIB mensasarkan murid-murid tahun dua dan tahun tiga, namun kandungan modul adalah bertunjangan standard kandungan dan standard pembelajaran dalam kurikulum yang telah distruktur oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

6.2 Pengetahuan guru terhadap perkaitan kandungan elemen MoLIB dengan kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu.

Danial Arif Abdul Muttalip & Zamri Mahamod (2020) pernah menyatakan bahawa salah satu aspek yang menyumbangkan keberkesanan pengajaran di dalam bilik darjah adalah melalui pengetahuan guru. Tambahan lagi, bukan sahaja pengetahuan yang melibatkan isi kandungan tetapi juga melibatkan pemikiran, gaya pembelajaran, dan tahap penguasaan murid dalam bilik darjah. Oleh itu, objektif pengajaran yang disasarkan dapat dicapai dengan baik. Berikut hasil temu bual dengan guru yang melaksanakan pengajaran berbantuan MoLIB, dapatan menunjukkan bahawa guru-guru menguasai penggunaan MoLIB dalam PdP mereka. Pelaksanaan PdP berbantuan MoLIB yang menekankan pembinaan objektif yang berfokus, aktiviti yang berbeza mengikut aras kognitif murid dan amalan pengajaran seperti yang digariskan dalam SKPMg2 menjadi panduan guru-guru.

Hasil kajian temu bual MoLIB juga berkait rapat dengan kajian Zurina Mustaffa et.al (2021) yang menyatakan bahawa model Pedagogi Terbeza yang digunakan dalam pengajaran penting terhadap kepelbagaian murid. Hal ini demikian kerana guru dapat menstruktur semula dan membezakan kandungan, proses, produk dan persekitaran mengikut aspek-aspek kepelbagaian murid. Tambahan lagi, model tersebut membantu guru merancang pengajaran mengikut kecenderungan kecerdasan murid. Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa penggunaan modul dalam pengajaran mencetus kreativiti dalam kemahiran pedagogi guru membina dan

menghasilkan suatu penyampaian ilmu yang efektif berdasarkan keperluan terhadap kepelbagaian aras kognitif murid.

6.3 Tahap keberkesanan MoLIB dalam membantu pengajaran guru Bahasa Melayu meningkatkan kemahiran berbahasa murid.

Berdasarkan dapatan temu bual responden pada bahagian ini, didapati bahawa responden mengakui MoLIB membantu pengajaran mereka lebih berkesan lebih-lebih lagi bagi membantu murid meningkatkan kemahiran berbahasa. Hal ini berketetapan dengan kajian yang dijalankan oleh Nuraishahtun et.al (2019) yang menjalankan kajian tentang Modul Pedagogi Terbeza (MPT) dalam PdP Bahasa Melayu dan mendapati bahawa para pendidik mengakui keberkesanan MPT apatah lagi modul tersebut menekankan latar belakang murid yang berbeza. Kajian Modul Interaktif yang dilaksanakan oleh Ratna Mohd Razali & Adenan Ayob (2018) juga menunjukkan bahawa modul ini membantu guru meningkatkan penguasaan murid pemulihan dalam kemahiran membaca. Hasil dapatan MoLIB turut berketetapan dengan hasil kajian Long Roslee et.al (2021) iaitu penggunaan Modul Mudah Membaca MOA menjadi alternatif kepada guru-guru Bahasa Melayu tahap 1 membantu murid-murid meningkatkan kemahiran membaca.

6.4 Rumusan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa MoLIB berkesan untuk meningkatkan kemahiran pedagogi guru Bahasa Melayu khususnya Tahap 1 sekolah rendah. MoLIB yang dibekalkan oleh KPM amat membantu guru-guru dalam meningkatkan tahap penguasaan murid-murid dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, tahap penguasaan murid dapat ditingkatkan begitu juga dengan kemahiran berbahasa murid.

7. Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan telah digariskan sebagai panduan pada masa hadapan. Kaedah tinjauan secara kuantitatif haruslah dilaksanakan bagi mendapatkan lebih banyak maklumat bagi sekolah-sekolah yang melaksanakan modul MoLIB dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam Bahasa Melayu. Bukan sahaja dalam negeri Sabah, bahkan semua negeri yang terlibat dalam pantauan JPN dan PPD bagi pelaksanaan pengajaran berbantuan modul MoLIB.

Seterusnya, topik berkenaan masalah ataupun kekangan para pendidik sepanjang pelaksanaan PdP Bahasa Melayu berbantuan juga perlu disentuh dalam kajian, tidak kira melalui reka bentuk kualitatif mahupun kuantitatif. Hal ini perlu bagi mendapatkan persepsi dan maklum balas para pendidik berkenaan MoLIB. Oleh itu, pihak berwajib dan KPM dapat menambahbaik segala kekurangan yang ada.

Cadangan yang seterusnya, kajian ini turut dapat diperluas dalam kalangan ibu bapa bagi meneroka tahap penerimaan, sokongan dan persepsi mereka berkenaan dengan MoLIB yang dilaksanakan oleh guru di dalam kelas terhadap pembelajaran anak-anak mereka. Selain daripada itu, kursus atau latihan secara langsung, berterusan dan berfokus perlulah dilaksanakan bagi semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan penggunaan MoLIB dalam pengajaran Bahasa Melayu. Hal ini perlu dalam usaha menyebarkan pengetahuan tersebut dalam kalangan guru agar wujudnya kesedaran akan penggunaan MoLIB. Tambahan lagi, penggunaan modul ini dapat meningkatkan kualiti amalan pengajaran terhadap pengajaran berfokus dan terbeza.

Akhir sekali, pihak berwajib dan pentadbir sekolah haruslah memainkan peranan untuk menyokong guru-guru melaksanakan pengajaran berpandukan modul MoLIB. Amalan PLC haruslah berlaku di antara guru-guru bagi memberi peluang guru berfikir secara kreatif dan kritis untuk merancang aktiviti pengajaran yang efektif khususnya terhadap kepelbagaian aras kognitif murid di dalam sesebuah kelas.

8. Kesimpulan

Guru yang cakna akan keberkesanan pembelajaran murid yang terdiri daripada pelbagai aras kognitif adalah guru yang berpengetahuan. Pengetahuan yang dimiliki adalah kemahiran pedagogi yang perlu dikuasai dalam memastikan tiada murid yang tercicir dari mendapatkan ilmu pengetahuan secara adil dan sama rata. Oleh itu, apa jua bentuk pengajaran yang dapat membantu meningkatkan kemahiran berbahasa murid khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, guru-guru perlulah berusaha memperkaya kemahiran pedagogi mereka. Apatah lagi, pendidikan kini yang menuntut pengajaran yang sama rata untuk semua murid dalam aspek kepelbagaian aras kognitif. Dengan berbantuan modul MoLIB, KPM mengharapkan bahan ini dapat membantu dan meningkatkan kemahiran pedagogi dan keyakinan guru-guru dalam menyampaikan ilmu kepada murid yang terdiri daripada pelbagai aras kognitif terutamanya untuk menguasai kemahiran berbahasa.

Rujukan

- Ain Nur Atika Agus. (2021). Tahap pengetahuan dan kesediaan guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah semasa tempoh perintah kawalan pergerakan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1),75-87.
- Anniliza Mohd Isa, Al-Amin Mydin, Abdul Ghani Kanesan Abdullah, & Wan Fadhlurrahman E. Md Rasidi. (2020). Transformasi pendidikan tahap 1: Peperiksaan ke pentaksiran bilik darjah (PBD), kesan terhadap autonomi guru. In Nurul Fadly Habidin, Tuan Waheda Tuan Chik, Sharon Yong Yee Ong, Ummu Aiman Muhammad, & Nursyazwani Mohd Fuzi, *Isu dan cabaran dalam pendidikan: Strategi dan inovasi* (pp. 218–231). Kaizentrenovation Sdn. Bhd.
- Azlinda A. Rahman. (2018). *Pemahaman bacaan bahan Bahasa Melayu dalam kalangan remaja*. Tesis, Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Bakhtaselvan L., Muhammad Saiful Haq Husin & Wong Seng Yue. (2022). Pembangunan modul karangan E-BMKU untuk kegunaan murid sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(1),55-68.
- Bondie R.S., Dahnke. C, & Zusho. A. (2019). How does changing “One-Size-Fits-All” to differentiated instruction affect teaching? *Sage Journal*, 43(1),336-362.
- Coleman, J. (1958). Rational Analysis: The Study of Social Organization with Survey Method. *Human Organization*, (17).
- Danial Arif Abdul Muttalip & Zamri Mahamod. (2020). Pelaksanaan pendekatan terbeza pengajaran terbeza dalam kalangan guru bahasa Melayu yang mengajar di sekolah rendah pedalaman kategori 3. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10 (2), 29-42.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussin. (2021). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Halida Jawan & Zamri Mahamod. (2021). Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1),67-77.

- Ismajli, H & Morina, I. I. (2018). Differentiated instruction: understanding and applying interactive strategies to meet the needs of all the students. *International Journal of Instruction*, 11(3),207-218.
- Kalai Selvan Arumugham. (2019). Pentaksiran bilik darjah dan kemenjadian murid: pengukuran tahap perkembangan pembelajaran murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. *Conference: Seminar on Malay Education, Literature and Culture At: The Goethe University, Frankfurt, Germany*
- Kalai S.A. (2020). Kurikulum pengajaran dan pentaksiran dari perspektif pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Asian People Journal*, 3(1), 152-161.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Modul Latihan Intervensi Berfokus & Terbeza*. Selangor: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). *MoLIB: Modul Latihan Intervensi Berfokus & Terbeza*. Selangor: Institut Pendidikan Guru Malaysia.
- Khuzaimah Zaaim, Mohamed Yusoff Mohd Nor & Shahlan Surat. (2019). Tahap kompetensi guru (PdPC) SKPMg2 dan tahap kemenjadian murid. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(27), 51-62.
- Kusom Yamirudeng & Zulkifli Osman. (2018). Pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Melayu elektif berdasarkan pendekatan pengajaran secara kontekstual. 6: 74-117. *Transformasi dan Pembangunan Pendidikan di Malaysia*. Selangor: Bahagian Pendidikan Guru.
- Ling, S. K. (2018). Keberkesanan permulaan pelaksanaan dan penggunaan Modul Linus BC di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina daerah Sibul.[penyunting] Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Mohamad Nuri Husin, Noorlela Noordin & Nurdini A Rahman. *Transformasi dan Pembangunan Pendidikan di Malaysia*. Selangor: Bahagian Pendidikan Guru.
- Liong,M.C. & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2022). Cabaran guru sekolah rendah pedalaman terhadap penggunaan Standard 4 (PdPC) SKPMg2 dalam menilai PdPR. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 364-373.
- Logambigai Bakthasvelan, Muhammad Saiful Haq Hussin & Wong Seng Yue. (2022). Pembangunan Modul Karangan E-BMKU untuk kegunaan murid sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT). *Jurnal Pengajian Melayu*, 33(1), 55-68.
- Long Roslee, Lialoura, Abdul Wahab, Norwaliza & Nordina Alia. (2021). Membina modul mudah membaca MOA bagi meningkatkan kemahiran membaca murid orang asli. *Asian Pendidikan*. 1(2), 1-10.
- Mohd Azarul Mokhtar, Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Siti Salina Mustakim & Rozita Radhiah Said. (2020). Pembangunan dan keberkesanan Modul CLEAR terhadap pencapaian murid dalam Matematik sekolah rendah. *Prosiding Inovasi Pendidikan dalam Era Revolusi Industri 4.0*, hlm. 72-76.
- Nuraishahtun Md Akhir, Zamri Mahamod, Siti Faraziah Md Akib & Norshiha Hj Sailon. (2019). Pelaksanaan modul pedagogi terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (SKEPEN) Ke-6. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 21-22 September.
- Nurzarina Amran & Roslinda Rosli. (2017). Kefahaman guru tentang kemahiran abad ke-21. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Komunikasi. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK 2) JILID 1, pp. 110-114. Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Rathaneswaary Derbala & Ruhizan M. Yasin. (2022). Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran guru pemulihan khas terhadap pengajaran terbeza.

- Malaysian Journal of Sciences and Humanities*, 7(4), e001445.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1445>
- Ratna Mohd Razali & Adenan Ayob. (2018). Keberkesanan penggunaan modul interaktif terhadap pencapaian membaca murid pemulihan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 3(19), 34-56.
- Safiek Mokhlis. (2021). Persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah: satu tinjauan awal. *Borneo International Journal*, 4(3): 9-18.
- Shakila Che Dahalan, Abdul Razaq Ahmad & Mohd Mahzan Awang. (2018). Pembelajaran abad ke-21: apa, mengapa dan bagaimana kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pendidikan Sejarah? [penyunting] Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Mohamad Nuri Husin, Noorlela Noordin & Nurdini A Rahman. *Transformasi dan Pembangunan Pendidikan di Malaysia*. Selangor: Bahagian Pendidikan Guru.
- Siti Fauziah Mohd Amin @ Amin, Sabariah Sharif, Muhamad Suhaimi Taat Mad Noor Madjapuni & Muralindran Mariappan. (2020). Modul Robot M-Solat. *Prosiding Inovasi Pendidikan dalam Era Revolusi Industri 4.0*, hlm. 77-81.
- Suryawanshi, M.B & Kotkar, S. K. (2021). Importance of education: a study of Dalit literature writers Dr. Narendra Jadhav's outcaste: a memoir, Urmila Pawar's Aaydan, Daya Pawar's Baluta and Y.B Sathyanarayan's my father Baliah. *International Journal of Multidisciplinary Research*, 7(7), 118-120.
- Thibbah A/P Gatanagayan & Fadzilah Amzah. (2021). Modul Kadimel: reka bentuk pembangunan modul pembelajaran kosa kata yang lebih afdal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(12), 109-124.
- Valerie Sinti. (2018). The effect of using FINCO Reads Modules in improving ESL Students' reading comprehension skill. [penyunting] Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, Mohamad Nuri Husin, Noorlela Noordin & Nurdini A Rahman. *Transformasi dan Pembangunan Pendidikan di Malaysia*. Selangor: Bahagian Pendidikan Guru.
- Zamri Mahamod. (2018). *Pemikiran Inventif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod, Rohaida Mazalan, Norziah Amin & Mohd Zaki Abd. Rahman. (2021). Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language*, 12(1), 40-62.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Kaedah pengajaran pedagogi terbeza dalam konteks gaya belajar dan keadilan kepada murid: Pemikiran Imam Ibn Sahnun. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 11(2), 186-196.
- Zurina Mustaffa, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman. (2021). Pedagogi terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 6(9), 202-214.